

26 SEP 1996

Pelancongan

STRATEGI GALAK PELANCONGAN DALAM NEGARA AKAN DIATUR

KUALA LUMPUR, 26 Sept (Bernama) -- Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (Pelancongan Malaysia) akan mengatur strategi baru bagi menimbulkan kesedaran dan budaya melancong dalam negeri di kalangan rakyat negara ini.

Ketua Pengarah Pelancongan Malaysia Datuk Dr Arshad Hashim hari ini berkata bagi tujuan itu lembaga akan mengadakan perbincangan dengan syarikat pelancongan dan pengusaha hotel tidak lama lagi.

"Saya telah berjumpa mereka secara tidak rasmi dan saya berhasrat untuk mengadakan perbincangan ini tidak lama lagi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Ke-17 Kesatuan Pekerja Pelancongan Malaysia di sini.

Dr Arshad berkata, perbincangan itu akan diadakan mengikut kesesuaian masa bagi semua pihak yang terlibat.

Baru-baru ini Menteri Kebudayaan, Keseniaan dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik melahirkan rasa kesalnya kerana ramai banyak negara ini berasa lebih megah bercuti di luar negara berbanding di negara sendiri.

Tahun lepas Malaysia mencatat 7.43 juta ketibaan pelancong dan dalam tahun yang sama kira-kira 6.3 juta keberangkatan rakyat negara ini ke luar negara.

Mengenai Pesta Malaysia '96 yang bermula 14 Sept lepas dan akan berakhir Sabtu ini, Dr Arshad berkata, beliau berpuas hati dengan sambutan yang menggalakkan daripada pelancong luar dan rakyat tempatan.

Dalam perkembangan lain, Dr Arshad berkata, Pelancongan Malaysia sedia mengadakan perubahan dalam struktur organisasinya sekiranya kerajaan meluluskan pengkorporatannya.

Bagaimanapun Dr Arshad enggan mengulas lanjut mengenai jangka waktu lembaga itu mungkin dikorporatkan.

Ketika pembentangan Rancangan Malaysia Ketujuh di Parlimen oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini, Pelancongan Malaysia merupakan antara agensi yang dikenal pasti untuk diperbadankan. -- BERNAMA

WE NMO